

**Pemuda Umno Laku Pendekatan Bersemuka Dengan 400,000 Pengundi Baru**  
**Bernama**  
**13 September, 2012**

PARIT, 13 Sept(Bernama) -- Pemuda Umno akan menjalankan pelbagai program secara bersemuka dengan lebih 400,000 pengundi baru yang didaftarkan sejak tiga tahun lepas bagi mendorong mereka memilih calon Barisan Nasional (BN) di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Anggota exco pergerakan itu, Mohd Hisamuddin Yahaya berkata mereka akan diminta terus menyokong BN walaupun sentiasa disogok dengan maklumat tidak tepat oleh pembangkang.

Bercakap kepada pemberita selepas Program Pemuda Turun Padang di sini, pada Khamis, beliau berkata, bakal pengundi muda akan diberikan maklumat yang tepat mengenai dasar perjuangan parti.

Katanya, pembangkang kini menggunakan pelbagai kaedah terutamanya melalui laman sesawang seperti facebook, twitter dan blog untuk menarik pengundi baru.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694473>